



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	29/11/2023

CATATAN

Georgetown: Ditampar pasangan, sering disindir hingga menjadi trauma antara 64 kes keganasan rumah tangga membabitkan lelaki di Pulau Pinang.

Negeri itu turut merekodkan sebanyak 224 kes keganasan rumah tangga membabitkan wanita setakat September lalu.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata, tahun lalu 345 mangsa wanita dan 105 lelaki tampil membuat aduan dengan kerajaan negeri bersedia menyulur khidmat sokongan tanpa mengira jantina.

"Selain keganasan rumah tangga secara fizikal, mendera emosi secara verbal juga disifat sebagai keganasan. Selain kes lelaki ditampar ada datang mengadu sering disindir (pasangan) sehingga lama-kelamaan menjadi trauma."

"Jadi kita akan beri bantuan tidak kira lelaki dan wanita. Pada masa kini lelaki dilihat lebih berani dan tidak lagi malu menyuarakan mereka mangsa keganasan rumah tangga," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam.

Siew Khim (DAP-Sungai

KEGANASAN RUMAH TANGGA DI PULAU PINANG Ditampar, disindir antara 64 kes diterima babitkan lelaki



Pinang) berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Azmi Alang (BERSATU-Telok Air Tawar) yang ingin mengetahui bagaimana seorang lelaki boleh terbabit dalam keganasan rumah tangga.

Beliau turut menjelaskan, keganasan rumah tangga antara isu sosial sering berlaku dalam kaltungan masyarakat dan di-

anggap pergolakan keluarga yang wajar diselesaikan tanpa campur tangan pihak lain

Terdahulu Lee Boon Heng (PKR-Kebun Bunga) menerusi soalan lisian bertanya berhubung statistik kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di Pulau Pinang dan rancangan pihak berkuasa dan kerajaan negeri dalam

menangani isu terbabit.

Siw Khim menjelaskan, kerajaan negeri mempelbagaikan sokongan membantu mangsa keganasan rumah tangga menerusi Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang yang digubal dan dilaksana sejak 2020.

Menurutnya, setakat ini 345 Titik Sokongan Pertama atau dikenali sebagai *first support point* (FSP) dilatih untuk memberi sokongan awal kepada mangsa keganasan rumah tangga oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

"FSP ini terdiri daripada jabatan atau agensi kerajaan, Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pertubuhan agama.

"Selain itu, pelbagai program dijalankan kepada lebih 1,600 orang dalam meningkatkan kesedaran rakyat negeri ini tentang gejala keganasan rumah tangga dan cara mendapat bantuan," katanya.